

# **BAB 4**

## **BAB 4**

### **RUMUSAN KAJIAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, penulis akan membuat beberapa rumusan tentang kajian ini berpandukan kesimpulan bab-bab yang lalu.

#### **2.0 RUMUSAN KAJIAN**

Fiqh jenayah adalah suatu bidang pengajian hukum yang fleksibel dan berpotensi besar untuk menerima kesan daripada penerimaan teori fiqh tempatan yang berlatarbelakangkan 'uruf semasa. Meskipun jenayah Hudud lebih bersifat rigid dan berasaskan kepada nas-nas Syara' yang qat'I, namun 'uruf masih boleh memainkan peranannya terutama dalam menghurai kehendak nas-nas berkenaan secara lebih terperinci dan bersesuaian dengan keadaan semasa.

Usaha untuk membentuk fiqh Malaysia yang berlatarbelakangkan realiti masyarakat Malaysia yang terdedah kepada arus pembangunan dan teknologi moden, merupakan satu usaha yang patut dipuji. Namun, persediaan ke arah pembinaannya lebih banyak ditumpukan kepada bidang Ibadat, Muamalat dan Munakahat sedangkan bidang jenayah kelihatan agak terpinggir. Ini mungkin disebabkan perlaksanaan sistem jenayah Islam belum menjadi realiti di Malaysia.

Oleh itu, kerana merasakan pentingnya persediaan dibuat ke arah pelaksanaan sistem jenayah Islam jika ia benar-benar menjadi realiti kelak, reformasi hukum di dalam konsep jenayah mencuri dicetuskan dengan merujuk kepada anjakan yang berlaku terhadap konsep harta kesan perubahan budaya dan gaya hidup di kalangan masyarakat Malaysia khususnya dan dunia umumnya.

Hasilnya, penulis memperolehi kesimpulan-kesimpulan berikut :-

- 1) Barang curian yang boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman Hudud dalam sesuatu kesalahan mencuri perlulah menepati syarat-syarat berikut :-
  - a- Barang curian tersebut mestilah bersifat harta.
  - b- Ia mestilah berada pada tempat simpanan khusus atau dalam kawalan.
  - c- Ia mestilah milik orang lain.
  - d- Ia mestilah mencukupi nisab.
  
- 2) Harta atau kehartaan adalah sifat bagi sesuatu. Sesuatu itu dianggap harta jika mempunyai 2 ciri berikut :-
  - i- Boleh dikuasai dan dimiliki.
  - ii- Boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa.
  
- 3) Harta terdapat dalam 2 bentuk iaitu dalam bentuk fizikal atau ma'nawi. Manfaat dan hak merupakan subjek-subjek ma'nawi. Manfaat atau hak boleh dimiliki, dikuasai dan dimanfaatkan dalam keadaan biasa melalui

penguasaan dan pemanfaatan secara tidak langsung ke atas sumber atau bahantara fizikalnya. Oleh itu, jika sesuatu manfaat atau hak mempunyai bahantara berbentuk fizikal yang boleh dimiliki, dikuasai dan dimanfaatkan dalam keadaan biasa, ia merupakan harta.

4) Terdapat satu harta bentuk baru yang wujud di zaman ini iaitu harta intelek. Harta intelek dari perspektif kajian ini didefinisikan sebagai sebarang gambaran idea dan ciptaan yang terhasil daripada pemikiran yang dizahirkan dalam suatu bahantara fizikal dan juga sekumpulan hak dan kuasa ke atas ciptaan-ciptaan tersebut yang disabitkan oleh Syara' kepada pemiliknya untuk mengawal, memanfaatkan, mengguna dan mentadbir harta-harta tersebut mengikut batasan ketentuan Syara' yang telah ditetapkan. Berasaskan takrif ini, didapati terdapat 2 bentuk harta intelek iaitu :-

- i. Manfaat yang berupa gambaran idea dan ciptaan yang terhasil daripada pemikiran yang dizahirkan dalam suatu bahantara fizikal yang memberikan hak dan kuasa yang disabitkan oleh Syara' ke atas ciptaan-ciptaan tersebut kepada pemiliknya.
- ii. Hak iaitu hak yang disabitkan oleh Syara' kepada pemilik idea atau ciptaan untuk mengawal, memanfaatkan, mengguna dan mentadbir ciptaan-ciptaan berkenaan.

5) Harta intelek sama ada dalam bentuk manfaat atau hak adalah bersifat harta kerana ia boleh dimiliki dan dikuasai serta boleh dimanfaatkan

dalam keadaan biasa dengan syarat ia dizahirkan dalam bentuk bahan fizikal.

6) 'Uruf semasa telah menerima harta intelek sebagai harta bernilai dan milik yang boleh dilaksanakan hukum-hukum kehartaan dan pemilikan ke atasnya. Harta intelek boleh dijualbeli, disewa, dihadiahkan dan diwarisi sama seperti harta-harta fizikal yang lain.

7) Harta intelek juga boleh menjadi barang curian yang boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman Hudud ke atas pencurinya sama seperti harta-harta fizikal yang lain. Ini kerana ia bernilai menurut kacamata 'uruf semasa, memiliki sifat harta, bersifat boleh alih dan tidak diharamkan oleh Syara' dengan syarat:-

- a. Harta intelek yang berupa manfaat atau hak yang dicuri itu mestilah dalam bentuk bahan bukan idea atau hak semata-mata sama ada bahan fizikal atau bahan berelektronik.
- b. Ia diletakkan di bawah kawalan yang selamat sama ada kawalan fizikal atau kawalan logikal bergantung kepada tabiat dan jenis bahantara yang mewakili harta intelek itu.
- c. Pencuri tidak mempunyai hak milik atau perkongsian milik ke atas harta intelek tersebut.
- d. Harta intelek tersebut mencukupi kadar nisab barang curian.
- e. Perlakuan jenayah yang dilakukan ke atas harta intelek itu menepati syarat-syarat bagi rukun-rukun mencuri yang lain

iaitu rukun perbuatan, pencuri dan mangsa curian dan tiada unsur syubhah yang melompangnya.

- 8) Pencurian harta intelek yang mencukupi syarat-syarat yang disebutkan sebelum ini boleh dikenakan hukuman Hudud iaitu potong tangan dan diwajibkan membayar ganti rugi. Sekiranya tidak, penjenayah yang terlibat hanya boleh dikenakan hukuman Ta'zir.
  
- 9) Pencurian hak (pencabulan dan pelanggaran hak) dan pencurian idea (plagiat) semata-mata hanya boleh dikenakan hukuman Ta'zir kerana hak dan idea semata-mata tidak mencukupi syarat bagi harta curian yang boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman Hudud ke atas pencurinya disebabkan ia tidak mempunyai bahantara yang menzahirkannya. Didapati, penguatkuasaan undang-undang ke atas kesalahan pelanggaran hak harta intelek seperti yang sedia terlaksana dalam perundangan sivil di Malaysia sekarang, dirasakan tepat. Namun, pelaksanaannya perlu diperkemaskan lagi.
  
- 10) Teori asas dalam konsep curi yang diutarakan fuqaha' klasik didapati masih relevan dengan zaman ini. Walaubagaimanapun perubahan perlu dalam mendefinisikan beberapa perkara yang berkaitan pelaksanaannya mengikut perubahan yang berlaku dalam 'uruf semasa. Sebagai contoh, dari sudut jenis barang curian dan bentuk kawalan ke atasnya.

11) Sekiranya timbul harta-harta bentuk baru pada masa akan datang, analisis hukum terhadap masalah baru ini perlulah dibuat dengan berpandukan sumber-sumber hukum Islam dan konsep asas yang telah digariskan secara sepakat oleh para fuqaha'. Olahan dan perubahan dibuat hanya pada unsur-unsur yang melibatkan perbezaan 'uruf dan nilai semasa sahaja.

### **3.0 KESIMPULAN**

Garis panduan yang diberi oleh ulama' klasik berkenaan konsep curi masih lagi sesuai untuk dipraktikkan di zaman sains dan teknologi ini. Walaubagaimanapun pemikiran dan pentafsiran ulama' silam itu perlu diterjemahkan dalam bentuk baru berasaskan perubahan suasana, tempat dan zaman.

Semoga kajian ini dapat menjadi rujukan dalam usaha merealisasikan dan menggubal undang-undang jenayah Islam di Malaysia di samping membantu perkembangan dan peningkatan nilai kesjaranaan di dunia Islam.